

Perbandingan Kata Panggilan antara Bahasa Malaysia dengan Bahasa Indonesia: Satu Kajian Awal Mengelak Kesalahfahaman Komunikasi Dua Bangsa Serumpun di Asia Tenggara

¹Melor Fauzita Md. Yusoff; ²Nor Hafidah Ibrahim; ³Ainal Akmar Ahmad

¹Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah Universiti Utara Malaysia

Address: 06010 Sintok Kedah Darul Aman, Malaysia +604928 5707/+604928 5709

Corresponding author

fauzita@uum.edu.my¹; norhafidah@uum.edu.my²; ainal@uum.edu.my³

Abstrak: Kajian ini membincangkan perbandingan kata panggilan yang digunakan dalam bahasa Melayu di Malaysia dan bahasa Melayu di Indonesia dengan tujuan mengenal pasti perbezaan dan persamaan antara dua bahasa ini. Walaupun bahasa Melayu di Malaysia dan bahasa Melayu di Indonesia kelihatan serupa, namun terdapat perbezaan antara keduanya. Perbezaan ini boleh menimbulkan kekeliruan dan ketidakselesaan dalam komunikasi antara budaya bagi dua negara serumpun ini. Data kajian diperoleh daripada dua buah novel popular, *Suamiku Paling Sweet* (Anjell, 2016) dan *Tuan Direktur* (Tere Liye, 2015). Kajian ini menggunakan pendekatan analisis deskriptif kualitatif bagi menghuraikan bentuk kata panggilan yang digunakan oleh watak dalam kedua-dua teks. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat persamaan dalam penggunaan kata panggilan berasaskan hubungan kekeluargaan seperti mama, papa, abang, kakak dan adik yang turut wujud dalam kedua-dua bahasa. Namun begitu, perbezaan muncul dalam penggunaan kata panggilan sosial seperti nyonya, non, bik dan tuan, yang lebih melambangkan hierarki sosial dalam budaya Indonesia. Perbezaan ini memberi implikasi penting terhadap komunikasi silang budaya antara masyarakat Malaysia dan Indonesia. Kajian ini diharap dapat menjadi asas kepada penyelidikan seterusnya dalam bidang komunikasi antara budaya dan sosiolinguistik Melayu serumpun.

Kata Kunci: kata panggilan, bahasa Melayu, bahasa Indonesia, komunikasi silang budaya, sosiolinguistik

Pengenalan

Bahasa Melayu di Malaysia dan Indonesia berkongsi akar yang sama, namun mengalami evolusi yang berbeza akibat faktor sejarah, politik, dan sosio-budaya. Walaupun kedua-dua bahasa tergolong dalam rumpun yang sama, namun perbezaan dalam penggunaan leksikal dan pragmatik sering menimbulkan kekeliruan komunikasi. Salah satu aspek yang signifikan ialah kata panggilan, yakni bentuk sapaan atau gelaran yang digunakan bagi menunjukkan hubungan sosial, status, dan keakraban antara penutur.

Dalam komunikasi harian, kesilapan dalam menggunakan kata panggilan boleh menimbulkan kekeliruan atau dianggap tidak sopan. Misalnya, panggilan bapak di Indonesia membawa makna formal yang berbeza daripada bapak, pak atau abang di Malaysia. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi mengenal pasti bentuk dan perbezaan kata panggilan yang

digunakan di Malaysia dan Indonesia berdasarkan dua buah karya popular dari Malaysia dan Indonesia sebagai refleksi penggunaan sebenar dalam masyarakat.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah

1. Menenal pasti bentuk kata panggilan bahasa Melayu di Malaysia dan di Indonesia.
2. Membandingkan bentuk kata panggilan bahasa Melayu di Malaysia dan di Indonesia.
3. Membincangkan perbezaan antara kata panggilan bahasa Melayu di Malaysia dan di Indonesia bagi mengelakkan kesalahfahaman dalam komunikasi harian dan formal antara dua bangsa serumpun.

Sorotan Karya

Beberapa penyelidik telah meneliti aspek sapaan dalam bahasa Melayu dan bahasa Indonesia, antaranya

Kridalaksana (2008), Asmah Haji Omar (2009), dan Sneddon (2010). Kajian terdahulu menunjukkan bahawa bentuk kata panggilan bukan sahaja berfungsi secara linguistik, tetapi juga mencerminkan struktur sosial, kedudukan, jantina, dan hubungan kekeluargaan.

Dalam konteks Malaysia, kata panggilan seperti abang, kakak, encik, puan, cikgu dan tuan mencerminkan kesantunan serta kedudukan sosial, sementara di Indonesia, bentuk seperti bapak, ibu, non, nyonya, mas, mbak, bik, dan tuan lebih menonjol dalam pelbagai konteks sosial. Asmah Haji Omar (2008), juga melihat sistem panggilan dan sapaan dalam bahasa Melayu sebagai cerminan kepada nilai budaya masyarakat yang menekankan hierarki, hubungan kekeluargaan, dan rasa hormat. Hal ini turut diakui oleh Omar Awang (2010) yang menegaskan bahawa sistem sapaan dalam bahasa Melayu Malaysia lebih fleksibel dan cenderung kepada bentuk kekeluargaan seperti abang, kakak, dan adik, berbanding sistem sapaan di Indonesia yang lebih formal dan berhierarki seperti bapak, ibu, mas, dan mbak.

Kajian oleh Muslich (2012) turut menjelaskan bahawa sistem sapaan di Indonesia lebih pelbagai kerana pengaruh bahasa daerah seperti Jawa dan Sunda yang diserap ke dalam bahasa nasional. Abdullah Hassan (2006) pula, menegaskan bahawa pemilihan kata panggilan dalam interaksi sosial menunjukkan kedudukan dan peranan individu dalam struktur kekeluargaan Melayu, sementara kajian oleh Noor Rohana (2015) pula mendapati bahawa generasi muda di bandar lebih cenderung menggunakan panggilan moden seperti mummy, daddy, dan aunty menggantikan mak dan ayah, menunjukkan peralihan nilai bahasa akibat globalisasi. Di Indonesia, sistem sapaan memperlihatkan keragaman budaya. Menurut Muslich (2012), penggunaan kata panggilan seperti bapak, ibu, mas, dan mbak dipengaruhi oleh bahasa daerah, khususnya bahasa Jawa dan Sunda. Kajian oleh Sari (2018) menunjukkan bahawa bentuk panggilan dalam novel Indonesia sering menjadi cerminan status sosial. Misalnya, penggunaan tuan dan nyonya yang menggambarkan perbezaan kelas antara majikan dan pekerja.

Kajian Perbandingan Sistem Panggilan dan Sapaan Malaysia dan Indonesia

Kajian perbandingan bahasa, khasnya dari aspek sistem panggilan dan sapaan antara Malaysia dan Indonesia telah menarik perhatian ramai sarjana kerana kedua-duanya berkongsi akar bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu, namun berkembang secara berasingan akibat faktor sejarah, politik, dan budaya. Walaupun kedua-dua bahasa masih memiliki tahap saling faham yang tinggi (mutual intelligibility), namun perbezaan

dalam penggunaan kata panggilan dan kata sapaan sering menjadi punca salah faham komunikasi dalam konteks sosial, pendidikan, dan profesional.

Kajian Zubaidah Ibrahim (2017) bertajuk “Perbezaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Indonesia: Satu Analisis Linguistik” memperincikan bahawa perbezaan linguistik antara kedua-dua bahasa bukan sekadar dari segi kosa kata, tetapi turut melibatkan aspek pragmatik dan kesantunan bahasa. Menurut beliau, penggunaan kata panggilan dalam konteks keluarga di Malaysia memperlihatkan keintiman sosial, manakala di Indonesia, bentuk panggilan tertentu digunakan untuk menunjukkan darjat atau status sosial seseorang.

Dalam konteks komunikasi formal, Hamidah Amin (2019) melalui kajiannya “Pengaruh Perbezaan Bahasa Terhadap Hubungan Perdagangan Antara Malaysia dan Indonesia” mendapati bahawa perbezaan dalam bentuk panggilan dan penggunaan kata sapaan boleh memberi kesan kepada komunikasi perniagaan. Kesilapan dalam memahami bentuk sapaan yang sesuai boleh menimbulkan kesan negatif terhadap persepsi profesionalisme dan hormat antara rakan niaga dari kedua-dua negara. Kajian ini menunjukkan bahawa kesantunan bahasa turut mempunyai implikasi dari segi ekonomi dan diplomatik.

Dari perspektif komunikasi antara pelajar, Faridah Mohd Noor (2020) dalam kajian “Perbandingan Kata Sapaan dalam Komunikasi Lintas Budaya Antara Pelajar Malaysia dan Indonesia” menegaskan bahawa pelajar Malaysia lebih gemar menggunakan bentuk sapaan kekeluargaan seperti abang dan kakak untuk menunjukkan keakraban, manakala pelajar Indonesia pula mengekalkan bentuk sapaan formal seperti mas, mbak, dan pak. Ini mencerminkan perbezaan nilai budaya yang dipegang oleh kedua-dua masyarakat. Perbezaan yang ketara ialah, satu lebih mesra dan egalitarian, manakala satu lagi lebih berorientasikan hierarki sosial.

Sementara itu, Yulianto Basuki (2018) dalam kajiannya bertajuk, “Perbandingan Pragmatik antara Bahasa Indonesia dan Bahasa Malaysia dalam Penggunaan Kata Sapaan” meneliti peranan konteks dalam menentukan bentuk sapaan yang digunakan. Beliau mendapati bahawa masyarakat Malaysia lebih menyesuaikan kata sapaan dengan tahap keakraban, manakala masyarakat Indonesia lebih menyesuaikannya dengan status dan usia penutur. Dari sudut pragmatik, hal ini memperlihatkan bahawa kedua-dua masyarakat mempunyai strategi kesantunan yang berbeza walaupun menggunakan bahasa serumpun.

Tambahan pula, Siti Nurjanah (2021) dalam kajian “Pengaruh Budaya dan Bahasa dalam Komunikasi Antara Rakyat Malaysia dan Indonesia” menyoroti bahawa budaya nasional masing-masing telah membentuk identiti linguistik yang berbeza. Beliau berpendapat bahawa

walaupun kedua-dua negara menggunakan bahasa yang berasal dari akar yang sama, norma budaya dan sejarah penjajahan yang berbeza telah membentuk gaya komunikasi yang berlainan. Oleh itu, perbezaan dalam sistem sapaan dan kata panggilan adalah cerminan daripada variasi budaya dan nilai sosial yang berkembang dalam masyarakat.

Selain itu, kajian oleh Abdullah Hassan (2015) menegaskan bahawa variasi kata panggilan juga menunjukkan peranan gender dan kedudukan sosial dalam masyarakat Melayu. Penggunaan kata seperti abang dan kakak bukan sahaja berfungsi sebagai panggilan kekeluargaan, tetapi juga sebagai penanda kesantunan dan hubungan interpersonal yang rapat. Dalam konteks masyarakat Indonesia pula, bentuk sapaan seperti mas, mbak, dan bapak menandakan kepatuhan terhadap norma sosial dan adat yang menekankan hormat kepada yang lebih tua atau berpangkat tinggi.

Sorotan karya ini menunjukkan bahawa perbezaan kata panggilan antara bahasa Malaysia dan bahasa Indonesia bukan sekadar fenomena linguistik, tetapi turut berakar dalam sistem nilai, budaya, dan struktur sosial. Secara keseluruhannya, kesemua kajian terdahulu menegaskan bahawa pemahaman mendalam terhadap variasi bentuk panggilan ini amat penting bagi mengelakkan salah tafsir dan memastikan kelangsungan komunikasi yang harmoni antara dua bangsa serumpun di Asia Tenggara.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kualitatif deskriptif dengan tumpuan terhadap analisis teks. Pendekatan ini digunakan untuk mencapai matlamat utama kajian, iaitu meneliti makna dan fungsi sosial kata panggilan dalam konteks komunikasi dalam kalangan masyarakat.

Data Kajian

Data kajian terdiri daripada dua buah novel popular yang dipilih berdasarkan latar budaya kontemporari dan tahun penerbitan yang hampir sama. Novel pertama ialah *Suamiku Paling Sweet* oleh Anjell (2016) mewakili bahasa Melayu Malaysia dan novel *Tuan Direktur* oleh Tere Liye (2015) bagi mewakili bahasa Melayu Indonesia. Kedua-dua novel dipilih kerana menggunakan bahasa perbualan semasa, bersifat popular, dan menggambarkan budaya harian masyarakat masing-masing.

Prosedur Pengumpulan Data

Data dikumpul dengan cara membaca

keseluruhan teks dan menandakan semua bentuk kata panggilan yang muncul dalam dialog, monolog, atau naratif yang merujuk kepada hubungan sosial. Kata panggilan tersebut kemudian dikodkan mengikut kategori seperti berikut:

1. Kekeluargaan: mama, papa, abang, kakak, nenek
2. Formal: encik, cikgu, nyonya, tuan
3. Sosial / mesra: sayang, non, mas, bik
4. Moden / pinjaman: uncle, aunty, daddy

Kaedah Analisis

Analisis data dilakukan secara perbandingan linguistik dan sosiopragmatik, iaitu dengan mengenal pasti bentuk morfologi dan asal-usul kata panggilan, meneliti fungsi kata panggilan dalam konteks sosial, status, dan hubungan penutur dan menentukan perbezaan nilai sosial yang mempengaruhi pemilihan kata panggilan antara dua masyarakat.

Dapatan Kajian

Kata Panggilan dalam Bahasa Melayu Malaysia

Tabel 1. Kata-kata panggilan dalam Bahasa Melayu

No	Kata Panggilan	Konteks Penggunaan	Makna / Hubungan
1	Mama	Ibu kandung	Hubungan kekeluargaan
2	Abang	Suami / Lelaki lebih tua	Hormat & mesra
3	Kakak	Wanita lebih tua	Kekeluargaan / hormat
4	Papa	Bapa kandung	Kekeluargaan moden
5	Nenek / Nek Mah	Nenek / orang tua	Hormat warga tua
6	Mak Su / Pak Long / Mak Long	Gelaran saudara mara	Kekeluargaan
7	Aunty / Uncle	Panggilan moden	Sosial & kekeluargaan
8	Cikgu / Encik	Gelaran formal	Pendidikan / pekerjaan
9	Sayang	Suami-isteri / anak	Keakraban
10	Adik / Abang	Hubungan kekeluargaan	Mesra

(Sumber: *Suamiku Paling Sweet*, Anjell, 2016)

Kata Panggilan dalam Bahasa Indonesia

No	Kata Panggilan	Konteks Penggunaan	Makna / Hubungan
1	Nyonya	Majikan wanita	Formal / status sosial
2	Non	Panggilan untuk gadis	Sopan, kelas sosial

			menengah ke atas
3	Bik	Pembantu rumah / wanita lebih tua	Status sosial lebih rendah
4	Tuan	Lelaki berpangkat / majikan	Formal dan hierarki
5	Mas	Lelaki muda / hormat	Mesra dalam budaya Jawa
6	Mbak	Wanita muda / kakak	Hormat / keakraban
7	Bapak / Ibu	Orang tua / formal	Hormat & sopan
8	Kak / Adik	Hubungan saudara	Mesra / kekeluargaan
9	Bos	Majikan lelaki	Hierarki moden
10	Neng	Gadis muda	Sapaan mesra informal

(Sumber: Tuan Direktur, Tere Liye, 2015)

Perbincangan

Hasil analisis menunjukkan bahawa kata panggilan dalam bahasa Malaysia lebih menekankan hubungan kekeluargaan dan kesantunan, manakala dalam bahasa Indonesia lebih memperlihatkan hierarki sosial dan formaliti. Sebagai contoh, penggunaan *nyonya* dan *bik* dalam konteks Indonesia menggambarkan perbezaan kelas sosial antara majikan dan pekerja, sedangkan dalam konteks Malaysia, kata seperti *mak cik* atau *puan* digunakan dengan nuansa yang lebih neutral.

Selain itu, pengaruh budaya Barat turut mempengaruhi kedua-dua bahasa, misalnya penggunaan *uncle*, *aunty*, dan *daddy* dalam novel Malaysia yang menunjukkan kecenderungan urban moden, sementara, novel Indonesia masih mengekalkan unsur tradisional seperti *mas*, *mbak*, dan *bapak*. Perbezaan ini penting difahami dalam konteks komunikasi dua hala antara rakyat Malaysia dan Indonesia. Salah guna kata panggilan seperti *bapak* (yang mungkin dianggap tidak formal di Malaysia) atau *abang* (yang boleh disalah tafsir di Indonesia) berpotensi menimbulkan salah faham sosial.

Kesimpulan

Kajian ini menunjukkan bahawa, walaupun bahasa Melayu di Malaysia dan bahasa Indonesia berasal daripada akar yang sama, namun penggunaan kata panggilan mencerminkan identiti sosial dan budaya yang berbeza. Kefahaman terhadap perbezaan ini amat penting untuk mengelakkan kesilapan komunikasi dan

memupuk persefahaman budaya antara dua bangsa serumpun di Asia Tenggara. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti aspek prosodi dan konteks komunikasi sebenar antara penutur dari kedua-dua negara.

Rujukan

- Abdullah Hassan. (2006). *Linguistik Umum*. Kuala Lumpur: PTS Publications.
- Abdullah Hassan. (2006). *Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Anjell. (2016). *Suamiku Paling Sweet*. Kuala Lumpur: Karya Seni Enterprise.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Nahu Melayu Mutakhir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Language and Society in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (2009). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basuki, Y. (2018). *A Pragmatic Comparison between Indonesian and Malaysian Malay in the Use of Address Terms*. Universitas Indonesia.
- Brown, P. & Levinson, S. (1987). *Politeness: Some Universals in Language Usage*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Faridah Mohd Noor. (2020). *A Comparative Study of Address Terms in Cross-Cultural Communication among Malaysian and Indonesian Students*. Universiti Malaya.
- Hamidah Amin. (2019). *The Influence of Linguistic Differences on Trade Relations between Malaysia and Indonesia*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kridalaksana, H. (2008). *Kamus Linguistik*. Jakarta: Gramedia Pustaka Utama.
- Muslich, M. (2012). *Bahasa Indonesia dalam Ragam Ilmiah*. Jakarta: Bumi Aksara.
- Nababan, P. W. J. (1993). *Sosiolinguistik: Suatu Pengantar*. Jakarta: Gramedia.
- Noor Rohana. (2015). *Bahasa dan Identiti dalam Komunikasi Generasi Muda*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Omar Awang. (2010). *Kesantunan Bahasa dalam Komunikasi Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sari, A. (2018). *Sapaan dalam Novel Indonesia: Analisis Sosio-Pragmatik*. Yogyakarta: UGM Press.
- Sari, R. (2018). *Sistem Sapaan dalam Novel Indonesia Moden*. Universitas Gadjah Mada.
- Siti Nurjanah. (2021). *Cultural and Linguistic Influences in Communication between Malaysians and Indonesians*. Universitas Negeri Yogyakarta.

- Sneddon, J. N. (2010). *The Indonesian Language: Its History and Role in Modern Society*. Sydney: UNSW Press.
- Tere Liye. (2015). *Tuan Direktur*. Jakarta: Republika.
- Tajfel, H. (1978). *Differentiation Between Social Groups*. London: Academic Press.
- Zubaidah Ibrahim. (2017). *Differences between Malaysian and Indonesian Malay: A Linguistic Analysis*. Universiti Kebangsaan Malaysia.